

Headline	Perkongsian usaha sama Universiti Komuniti memanfaatkan negara		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	v4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,138
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,414



Perkongsian usaha sama **Universiti-Komuniti** memanfaatkan negara

MESYUARAT ke-2 Majlis Asia-Pacific University-Community Engagement Network (APUCEN) memutuskan agar setiap program kerjasama Universiti-Komuniti di rantau ini perlu memberi penekanan kepada konsep perkongsian.

Presiden APUCEN, Prof Datuk Omar Osman, berkata konsep perkongsian penting kerana menjadi nadi dalam menentukan kejayaan program/projek usaha sama Universiti-Komuniti yang bertujuan memajukan tahap sosioekonomi dan pemikiran masyarakat.

Prof Omar yang juga Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), berkata Majlis APUCEN yang mewakili 47 ahli institusi bersetuju menubuhkan Yayasan Libatsama Universiti-Komuniti bagi membiayai pelaksanaan projek libat sama Universiti-Komuniti di rantau Asia-Pasifik.

"Kita sedar dalam dunia yang pesat membangun, ramai suka bersaing dan cuba menjadi juara. Tidak ramai antara kita yang cenderung ke arah perkongsian dalam membantu membangunkan masyarakat. Nilai asas kemanusiaan sering dilupakan.

"Ini penting demi manfaat generasi akan datang. Oleh itu, Yayasan ini akan menyediakan dana bagi usaha pembangunan masyarakat menerusi projek Libatsama Universiti-Komuniti," kata beliau selepas mempengerusikan mesyuarat itu, di Chiang Mai, baru-baru ini.

Prof Omar menjelaskan, Yayasan berkenaan dijangka akan dilancarkan pada pertengahan tahun ini di Indonesia dan sebagai permulaan dua projek yang berasaskan penyelidikan berkaitan dengan HIV/AIDS dan sumbing bibir telah dicadangkan untuk dilaksanakan.

Sementara itu, Timbalan Naib Can-



Prof Omar

selor (Jaringan Industri dan Masyarakat) USM, Prof Datuk See Ching Mey, berkata Majlis APUCEN yakin akan berjaya mengutip RM1 juta dana permulaan untuk membiayai projek Flagship (projek membabitkan ramai rakan kongsi dan berimpak tinggi kepada masyarakat tanpa sempadan).

"Kita juga ingin mempelawa rakan-rakan korporat yang berkongsi keinginan yang sama untuk menyumbang ke arah pengukuhan dana ini," katanya.

Beliau menyeru rakan korporat untuk turun membantu dan berkongsi input bagi menjadikan yayasan itu dan projek yang dijalankan lebih bermakna ke arah pembangunan masyarakat, Negara dan Asia-Pasifik.

APUCEN ialah inisiatif ulung Malaysia yang dilancarkan pada 13 Julai 2011 di USM. Rangkaian itu bertujuan melibatsamakan institusi pengajian tinggi di rantau Asia-Pasifik untuk gerak bersama dan mempromosikan budaya libatsama-komuniti universiti yang menggunakan kearifan tempatan.